

28 MAY 1997

Pelantikan-Reaksi

PEMUDA UMNO UCAP TAHNIAH PADA MEGAT, TAJOL DAN AZMI

KUALA SELANGOR, 28 Mei (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini menyambut baik pelantikan Datuk Megat Junid Megat Ayob sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Datuk Tajol Rosli Ghazali sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi berkata Pemuda juga mengucapkan tahniah dan menyambut baik pelantikan Datuk Azmi Khalid sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menggantikan Tajol Rosli.

"Megat Junid ialah timbalan menteri paling kanan dan sewajarnya dilantik menjadi menteri penuh, malah beliau ialah Timbalan Pengerusi Tetap Pergerakan Pemuda," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas pelantikan itu, di sini.

Rombakan kecil Kabinet itu diumumkan Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada persidangan berita di pejabatnya di sini, hari ini.

Zahid berkata Tajol Rosli pula kini diberikan pendedahan baru apabila menjadi timbalan menteri yang bertanggungjawab terus kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Dalam Negeri.

Pelantikan Azmi juga satu langkah wajar bagi Perlis yang sebelum ini tidak mempunyai sebarang jawatan timbalan menteri.

"Kita sudah menghantar kawat ucapan tahniah kepada mereka sebaik selepas pengumuman mengenai pelantikan mereka," katanya.

-- BERNAMA